

Keadaan banjir di empat negeri semakin pulih

KUALA LUMPUR: Keadaan banjir di empat negeri menunjukkan tanda semakin pulih semalam dengan bilangan mangsa yang berada di pusat pemindahan menurun mendadak berbanding kelmarin.

Sarawak kekal mencatatkan jumlah mangsa tertinggi dengan 3,999 orang berbanding 7,592 orang kelmarin, yang ditempatkan di 20 pusat pemindahan di empat daerah.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata, Samarahan merekodkan bilangan mangsa tertinggi dengan 3,123 mangsa, diikuti Kuching (648 orang), Sibu (128 mangsa) dan Sri Aman dengan 100 mangsa.

Di **JOHOR**, banjir di daerah Batu Pahat, Segamat dan Mersing semakin pulih apabila tinggal 16 pusat pemindahan masih beroperasi sehingga jam 5 petang semalam, membabitkan 1,199 mangsa daripada 296 keluarga.

Bagaimanapun, seramai 486 Orang Asli masing-masing membabitkan 232 orang di Mersing dan 254 di Kluang masih terputus hubungan apabila laluan ke penempatan mereka ditenggelami air sejak 20 Disember lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan negeri, Dr Robia Kosai, berkata tiga pusat pemindahan di Batu Pahat,

tujuh di Segamat serta enam di Mersing masih menempatkan 1,199 mangsa.

Menurut Portal Jabatan Pengairan dan Saliran, Sungai Muar di Bukit Kepong, Muar dan Sungai Muar di Buloh Kasap, Segamat melebihi paras bahaya dengan paras air mencatat 3.23 meter dan 9.49 meter.

Di **SABAH**, jumlah mangsa banjir di Kampung Gum-Gum, Sandakan yang dipindahkan ke pusat pemindahan juga menurun drastik kepada 57 orang berbanding 351 orang, kelmarin.

Jurucakap Bilik Operasi Banjir Sandakan berkata, sebahagian mangsa banjir di kampung itu sudah dibenarkan pulang, tetapi bersedia dipindahkan lagi jika air Sungai Gum-Gum naik mendadak.

Enam belas keluarga masih tidak dibenarkan pulang disebabkan rumah mereka terletak berhampiran tebing sungai Gum-Gum yang kini berada pada paras 2.6 meter iaitu paras berjaga-jaga.

Di **PAHANG**, hanya 15 mangsa banjir masih berada di satu pusat pemindahan sementara di Rompin berbanding 567 orang, kelmarin berikutan fenomena air pasang besar yang melanda negeri itu.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, berkata sehingga jam 5 petang semalam, mangsa daripada tiga keluarga itu masih ditempatkan di Balai Raya Kampung Gadak.



Sumbangan Tabung Bencana NSTP-Media Prima

Pengarah Pemasaran GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd, Ho Mun Hao (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan bernilai RM100,000 untuk Tabung Bencana The New Straits Times Press (M) Berhad-Media Prima kepada Pengarah Urusan New Straits Times (NST), Datuk Nuraina Samad, di Balai Berita, semalam. GCH menyumbangkan barangan keperluan harian bernilai RM50,000 untuk tabung berkenaan bagi membantu mangsa banjir di Pahang dan Sarawak ketika misi bantuan enam hari Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Pengairan NSTP-Media Prima.